



## KEMENTERIAN EKONOMI

### KENYATAAN TENDER PERUNDING

Tender ini terbuka kepada firma perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER DITUTUP
1.	<p>No. Tender : <b>EPU(BPS).T(P).2/2024</b></p> <p><b>KAJIAN RENT-SEEKING DI MALAYSIA DAN CADANGAN PENGUBALAN AKTA BAHARU ANTI RENT-SEEKING ATAU PINDAAN AKTA BAGI MEMBENDUNG RENT-SEEKING</b></p>	<p>Berdaftar dengan:</p> <p>i) Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p>Kod Bidang :</p> <p><b>340103 (Kajian Ekonomi)</b></p> <p><b>DAN/ ATAU</b></p> <p><b>340901 (Kajian Perundangan)</b></p>	<p>Tarikh Dijual :</p> <p><b>18 November 2024 hingga 2 Disember 2024</b></p> <p>Waktu:</p> <p><b>9.00 Pagi - 12.30 Tengah Hari</b> <b>2.30 - 4.00 Petang (Isnin - Khamis)</b></p> <p><b>9.00 - 11.00 Pagi</b> <b>3.00 - 4.00 Petang (Jumaat)</b></p>	<p><b>Bahagian Kewangan Kementerian Ekonomi Aras 7, Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana Presint 3 62675 PUTRAJAYA.</b></p> <p><b>Harga Dokumen (Dokumen dijual dalam bentuk <i>soft copy</i>) : RM 100.00</b></p>	<p>Tarikh Tutup :</p> <p><b>3 Disember 2024</b></p> <p>Waktu :</p> <p><b>12.00 tengah hari</b></p> <p>Tempat :</p> <p><b>Peti Tender 1 Kementerian Ekonomi Aras Bawah (Ground Floor) Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3 62675 PUTRAJAYA.</b></p>

1. Firma perunding yang ingin menyertai pelawaan ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Aras 7, Menara Prisma, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 PUTRAJAYA** pada waktu pejabat waktu pejabat (9.00 pagi – 1.00 tengah hari dan 2.00 petang - 6.00 petang).
2. Firma perunding yang layak dan memenuhi syarat kelayakan pelawaan seperti di atas sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan.
3. Hanya penama yang ditauliahkan sijil pendaftaran seperti dalam syarat penyertaan tender sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan. Sila bawa bersama **sijil pendaftaran asal** seperti dalam syarat penyertaan tender **berserta salinan-salinannya**. (salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan) untuk pembelian Dokumen Pelawaan.
4. Firma perunding yang ingin memasuki pelawaan dikehendaki mengemukakan **Kiriman Wang (Money Order)/ Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – ME – T** sebagai bayaran bagi pembelian Dokumen Pelawaan (Dokumen dijual dalam bentuk *soft copy*). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima..
5. Dokumen Pelawaan tidak akan dijual selepas tempoh tersebut di atas.

6. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian Ekonomi tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan **ditandakan “Cadangan Teknikal“ dan “Cadangan Kos”** di **sebelah kiri setiap sampul surat** berkenaan dan dialamatkan kepada :-

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN EKONOMI  
ARAS 7, MENARA PRISMA  
NO. 26 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 3  
62675 PUTRAJAYA  
(U.P: BAHAGIAN KEWANGAN)**